Syarikat berpendirian teguh bahawa integriti yang tidak boleh dipersoalkan serta nilai moral dan sosial yang tinggi akan memaparkan imej korporat yang kukuh kepada semua pihak yang berkepentingan dalam Syarikat sebagai usaha untuk mengukuhkan kedudukan kita dalam pasaran.

Integriti yang tidak boleh dipersoalkan bermakna berpegang teguh kepada apa yang kita percaya. Kita berpegang teguh pada kejujuran, keadilan dan melakukan perkara yang betul sekali pun dalam keadaan yang rumit.

Nilai moral dan sosial yang tinggi bermakna kita mendukung dan mengamalkan konsep menghormati diri sendiri dengan penuh maruah, penuh hormat dan bersikap mesra terhadap orang lain sebagai amalan hidup kita.

Setiap seorang daripada kita sangat dituntut untuk menunjukkan asas kepercayaan ini semasa menjalankan tugas kita sebagai wargakerja AmanahRaya.

### 1.2 Objektif Kod Etika Perniagaan

Objektif untuk mengadakan Kod Etika Perniagaan AmanahRaya (dirujuk sebagai “Kod Etika”) adalah untuk menyokong Visi dan Misi AmanahRaya serta 5 Nilai Teras dalam AmanahRaya. Kod Etika ini bertujuan untuk menggariskan kelakuan yang boleh diterima dan tidak boleh diterima kepada seluruh wargakerja organisasi dalam menjalankan urusan organisasi.

Sebagai sebuah Syarikat Milik Kerajaan (Government Owned Company) yang mempunyai Unit Pematuhan & Integriti, kewujudan Kod Etika adalah penting untuk menyokong dan memandu usaha ke arah mengenal pasti dan menyelesaikan isu etika yang mungkin kita hadapi semasa menjalankan operasi harian AmanahRaya. Setiap orang yang tertakluk kepada Kod Etika ini mestilah mematuhi semua undang-undang yang dikuatkuasakan dan bertanggungjawab mengetahui undang-undang itu serta kandungan Kod Etika ini.

### 1.3 Tanggungjawab, Kepatuhan dan Kebertanggungjawaban

Sebagai salah satu syarat perkhidmatan dengan AmanahRaya, semua kakitangan mestilah menerima tanggungjawab mematuhi dasar yang dinyatakan

dalam Kod Etika ini. Apa-apa pelanggaran terhadap dasar ini akan tertakluk kepada tindakan disiplin, termasuk penggantungan atau penamatan perkhidmatan dengan sebab, atau tindakan undang-undang lain yang sewajarnya jika berkenaan.

Kod Etika ini bukan bertujuan dan tidak mewujudkan kontrak pekerjaan antara kakitangan dengan AmanahRaya, dan tidak juga menjamin bahawa perkhidmatan kakitangan dengan AmanahRaya akan diteruskan selagi mereka mematuhi dasarnya.

Kakitangan yang menghadapi konflik, atau mengetahui tentang pelanggaran dasar ini hendaklah, sebagai langkah pertama, melaporkannya kepada Pihak Pengurusan. Pihak Pengurusan boleh mendapatkan nasihat daripada Pejabat Ketua Pegawai Integriti sama ada terdapatnya percanggahan kepentingan atau tidak.

Tiada tindakan akan dikenakan terhadap wargakerja yang membuat laporan sedemikian secara jujur. Namun begitu adalah tidak wajar untuk membuat aduan atau memfailkan laporan dengan mengetahuinya sebagai palsu. Identiti wargakerja yang mendedahkan maklumat akan dirahsiakan, kecuali dalam kes yang pendedahan sedemikian perlu dibuat untuk tujuan siasatan.

## 1.4 Tanggungjawab Tambahan untuk Pengurus

Pengurus AmanahRaya dikehendaki memimpin berdasarkan piawai kelakuan beretika yang kita amalkan, baik dari segi perkataan mahupun tindakan.

Pengurus bertanggungjawab menggalakkan komunikasi dua hala yang terbuka dan berterusterang.

Pengurus perlu menjadi aktivis positif dan model contoh yang menunjukkan sikap hormat dan bertimbang rasa terhadap setiap rakan sekerja.

Pengurus perlu bersungguh-sungguh mencari tanda-tanda wujudnya kelakuan yang tidak beretika atau yang menyalahi undang-undang dan melaporkannya kepada Pejabat Ketua Pegawai Integriti dengan segera.

## 2 TAKRIF

### 2.1 Aset

Aset merupakan sumber yang ketara boleh dilihat atau tidak ketara boleh dilihat yang dikawal oleh Syarikat dan terbit daripada urusan niaga atau peristiwa yang lalu. Aset dijangka memberikan manfaat ekonomi masa depan kepada Syarikat.

### 2.2 Etika

Etika merujuk piawai kelakuan yang menunjukkan cara berkelakuan dengan betul berdasarkan kewajipan moral dan kebaikan yang terbit daripada prinsip mengenai mana yang betul dan yang salah. Etika melibatkan dua aspek iaitu kebolehan untuk membezakan perkara yang betul daripada yang salah dan komitmen untuk melakukan perkara yang betul.

### 2.3 Ihsan Perniagaan

Ihsan perniagaan ialah hadiah atau pertolongan daripada seseorang atau sesebuah organisasi, tidak kira sama ada perhubungan perniagaan wujud antara AmanahRaya dengan orang atau organisasi berkenaan. Penerima tidak membayar nilai pasaran saksama untuk hadiah atau pertolongan tersebut yang

termasuk manfaat ketara atau tidak ketara seperti hadiah bukan kewangan, makanan, minuman, keraian, rekreasi, hadiah, pengangkutan, diskaun, tiket, pas, barang promosi atau penggunaan masa, bahan atau kelengkapan pemberi.

### 2.4 Kod Etika

Satu set peraturan yang bertujuan untuk mengawal pengendalian dan perhubungan perniagaan wargakerja AmanahRaya, Lembaga Pengarah, pembekal, kontraktor, ejen dan pakar rundingnya.

### 2.5 Syarikat / AmanahRaya

Syarikat / AmanahRaya bermaksud Amanah Raya Berhad dan termasuk anak syarikatnya.

### 2.6 Pesaing

Pesaing ialah orang atau entiti yang menyediakan perkhidmatan yang sama atau sangat serupa atau membekalkan produk yang sama atau serupa dalam mana-mana atau beberapa bidang perniagaan kita.

### 2.7 Percanggahan Kepentingan

Percanggahan kepentingan timbul apabila Anggota

Lembaga Pengarah atau wargakerja mempunyai kepentingan peribadi yang boleh dilihat berpotensi menjejaskan objektif mereka dalam melaksanakan tugas atau menggunakan pertimbangan mereka bagi pihak AmanahRaya.

## 2.8 Klien

Klien ialah orang atau entiti yang menerima produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh AmanahRaya dan mereka mungkin termasuk bakal pelanggan, pembekal atau pesaing.

## 2.9 Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah meliputi semua Pengarah Bebas dan Bukan Bebas, Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif dalam AmanahRaya dan/atau Anak Syarikatnya dan hendaklah juga termasuk Pengarah Ganti.

## 2.10 Wargakerja

Wargakerja hendaklah merangkumi semua personel termasuk Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan Atasan, Pengurus Kanan, Pengurus, Eksekutif dan Bukan Eksekutif yang bekerja dengan AmanahRaya dan anak syarikatnya.

## 2.11 Bayaran Pemudah Urusan

Bayaran pemudah urusan yang biasanya dikenali sebagai bayaran untuk “memudahkan”, “mempercepat” atau “melicinkan” urusan adalah bayaran yang dibuat bagi memperoleh atau mempercepatkan pelaksanaan sesuatu tindakan rutin atau perlu yang melibatkan kepentingan pembayar bayaran tersebut.

## 2.12 Keluarga

Mempunyai maksud yang sama seperti takrif “seorang anggota keluarga pengarah” di bawah Seksyen 122A Akta Syarikat 1965 (Akta 125) dan hendaklah termasuk suami/isteri, ibu bapa, anak (termasuk anak angkat dan anak tiri), saudara lelaki dan saudara perempuan wargakerja serta suami/isteri kepada anak, saudara lelaki atau saudara perempuan wargakerja.

## 2.13 Sogokan

Sogokan hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575).

## 2.14 Jabatan Undang-Undang

Jabatan Undang-Undang hendaklah bermaksud Jabatan Undang-Undang AmanahRaya.

## 2.15 Pihak Pengurusan

Pihak Pengurusan hendaklah merangkumi semua peringkat pegawai yang memegang jawatan pengurusan M3 dan ke atas.

## 2.16 Maklumat Proprietari

Maklumat proprietari ialah maklumat yang dimiliki oleh seseorang atau entiti berhubung dengan kemahiran, rahsia perdagangan atau apa jua maklumat lain, sama ada dalam format bercetak atau elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak harta intelektual, maklumat teknikal, proses perniagaan, ramalan jualan, strategi pemasaran, senarai pelanggan atau maklumat bakal pelanggan, rekod kewangan atau operasi yang dianggap sebagai rahsia (sama ada dilabel sebagai rahsia atau tidak) dan dipunyai serta dimiliki oleh AmanahRaya.

## 2.17 Gangguan Seksual

Gangguan seksual bermaksud sebarang kelakuan tidak diingini yang berunsur seksual dan mendatangkan kesan gangguan lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal yang boleh dengan sebab munasabah dilihat oleh penerima sebagai meletakkan syarat berunsur seksual terhadap perkhidmatannya atau sebagai pencabulan atau perbuatan memalukan atau ancaman terhadap kesejahteraan dirinya tetapi tidak mempunyai kaitan langsung dengan perkhidmatannya.

## 2.18 Anak Syarikat

Anak syarikat ialah syarikat atau perusahaan di mana syarikat pelabur (dikenali sebagai syarikat induk) memiliki kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi anak syarikat bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti dan seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 5, Akta Syarikat 1965 (Akta 125).

## 2.19 Pembekal

Pembekal ialah orang atau entiti yang membekalkan sebarang jenis produk dan perkhidmatan kepada AmanahRaya.

### 3. TANGGUNGJAWAB KAMI KEPADA WARGAKERJA AMANAHRAYA

*Kami prihatin terhadap kesejahteraan setiap wargakerja.*

#### 3.1 Sentiasa Saling Menghormati

Kita akan sentiasa saling menghormati dan berlaku adil terhadap satu sama lain sebagaimana kita sendiri ingin diperlakukan. Kita akan menghargai perbezaan antara pelbagai individu dari seluruh Malaysia.

Keputusan tentang pekerjaan mestilah berasaskan sebab-sebab perniagaan seperti kelayakan, kebolehan dan pencapaian, dan akan dibuat selaras dengan undang-undang pekerjaan di peringkat tempatan dan nasional.

#### 3.2 Diskriminasi

Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk diskriminasi di tempat kerja. Sebagai majikan yang memberikan peluang sama rata, menjadi dasar kami untuk menyediakan peluang sama rata untuk semua pemohon dan wargakerja dan untuk mengambil, mengupah, menukarkan, menaikkan pangkat, melatih wargakerja dan mentadbirkan segala dasar personel

tanpa mengira kaum, warna kulit, agama, negara asal, jantina, umur, taraf perkahwinan, hilang upaya atau status veteran. Wargakerja digalakkan membuat laporan kepada jawatankuasa disiplin menurut prosedur pelaporan piawai jika mereka merasakan mereka telah didiskriminasikan.

#### 3.3 Gangguan

Kami melarang sebarang bentuk gangguan oleh atau terhadap wargakerja, kontraktor, pembekal atau pelanggan. Bentuk gangguan boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada percubaan lisan atau fizikal yang tidak diingini dan bahan, kenyataan atau kata-kata yang berunsur seksual, perkauman, penghinaan atau diskriminasi. Dengan demikian, semua wargakerja termasuk penyelia dan pengurus akan dikenakan tindakan disiplin sehingga dan termasuk ditamatkan perkhidmatan bagi sebarang tindakan gangguan yang dibuktikan.

Wargakerja digalakkan supaya melaporkan sebarang gangguan di tempat kerja dan aduan akan disiasat dengan segera dan teliti. Syarikat akan menangani aduan sedemikian dengan seberapa rahsia yang boleh dan mendedahkan maklumat hanya kepada mereka yang perlu atau berhak mengetahuinya.

### 3.4 Dadah, alkohol dan bahan larangan

Semua wargakerja hendaklah melaporkan diri untuk bekerja dalam keadaan terbaik bagi melaksanakan tugas mereka, bebas daripada pengaruh alkohol atau dadah yang menyalahi undang-undang. Pemilikan, penggunaan dan pengedaran dadah yang menyalahi undang-undang oleh wargakerja AmanahRaya adalah kesalahan serius dan akan dikenakan tindakan undang-undang.

12

Wargakerja yang disyaki berada di bawah pengaruh dadah, alkohol atau bahan larangan hendaklah dikehendaki menjalani ujian khas di klinik syarikat yang diiktiraf atau di klinik atau hospital kerajaan yang ditetapkan. Keputusan ujian yang positif atau keengganan untuk menjalani ujian yang diwajibkan mengikut prosedur perubatan Syarikat menjadi sebab untuk tindakan disiplin termasuk penamatan perkhidmatan.

### 3.5 Ancaman dan Keganasan

Ancaman atau perbuatan ganas, intimidasi psikologi atau fizikal adalah dilarang. Mana-mana wargakerja yang tahu tentang kelakuan yang dilarang atau berasa bimbang dengan keselamatan dirinya atau keselamatan rakan sekerja, klien atau pembekal

mestilah melaporkan perkara tersebut dengan segera kepada Pejabat Ketua Pegawai Integriti seperti yang dinyatakan dalam dasar pendedahan salah laku.

### 3.6 Keselamatan dan Kesihatan

AmanahRayaberusahauntukmenyediakanpersekitaran kerja yang selamat dan sihat bagi setiap wargakerja. Oleh yang demikian, setiap wargakerja perlu membantu mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua wargakerja dengan mematuhi peraturan dan amalan berhubung keselamatan dan kesihatan dan dengan melaporkan sebarang kemalangan dan kecederaan serta peralatan, amalan atau keadaan yang tidak selamat kepada pihak Pengurusan.



## 4. TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA KLIEN AMANAHRAYA

*Kita meluaskan kelompok klien kita dengan memberikan Kecemerlangan dalam Perkhidmatan Pelanggan.*

### 4.1 Kualiti Produk dan Perkhidmatan

Bagi menepati reputasi tinggi AmanahRaya di pasaran, adalah penting bahawa kualiti produk dan perkhidmatan diberikan mengikut prosedur piawai (ISO 9001:2000) yang ditetapkan. Kegagalan untuk berbuat demikian mengikut piawai akan merosakkan reputasi AmanahRaya di mata awam.

Sebelum penjualan produk, maklumat yang tepat dan mencukupi tentang produk dan perkhidmatan hendaklah disediakan supaya klien boleh membuat keputusan pembelian yang bijak. Kita perlu sentiasa berusaha untuk mengatasi jangkaan klien dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kita. Penyediaan ini mestilah memenuhi piawai kita dari segi prestasi, kecekapan dan budi bahasa.

### 4.2 Kerahsiaan Maklumat Proprietari

AmanahRaya merupakan penyimpan maklumat peribadi yang sensitif dan maklumat perniagaan

yang sulit. Oleh yang demikian, melindungi maklumat sebegini adalah tanggungjawab utama setiap wargakerja.

Semua wargakerja mestilah menjaga kerahsiaan maklumat yang diamanahkan kepada mereka oleh AmanahRaya, anak syarikat, pembekal, kliennya atau pihak lain yang menjalankan perniagaan dengan syarikat.

Tidak ada maklumat yang boleh dipindahkan, disalurkan atau disampaikan di kalangan pihak dalaman sebelum memperoleh kebenaran dan mempunyai keperluan segera untuk mengetahuinya. Selain itu wargakerja dilarang sama sekali menggunakan maklumat sedemikian untuk keuntungan atau kepentingan mereka sendiri (atau mana-mana pihak ketiga).

Wargakerja boleh mendedahkan maklumat apabila pendedahan dibenarkan oleh Pihak Pengurusan atau dikehendaki oleh undang-undang, peraturan atau prosiding undang-undang.

Maklumat proprietari pada umumnya termasuk maklumat bukan awam yang mungkin berguna kepada pesaing atau pihak lain atau memudaratkan pemilik maklumat jika didedahkan. Kewajipan wargakerja untuk memelihara maklumat proprietari adalah berterusan walaupun selepas perkhidmatan mereka tamat.

Wargakerja hendaklah mendapatkan nasihat Jabatan Undang-Undang jika mereka percaya mereka mungkin mempunyai kewajipan di sisi undang-undang untuk mendedahkan maklumat sulit.

Semua wargakerja mestilah pada setiap masa melindungi kerahsiaan maklumat dengan mendapatkan maklumat yang sensitif hanya apabila maklumat itu perlu digunakan untuk melaksanakan tugas mereka. AmanahRaya melaksanakan amalan terbaik dalam privasi dan keselamatan untuk melindungi maklumat perniagaan klien yang berada dalam simpanan atau kawalannya.

14

Kepentingan memelihara keselamatan maklumat yang sensitif bukan hanya satu amalan terbaik tetapi juga suatu kewajipan yang mesti ditunaikan oleh semua wargakerja dengan penuh tanggungjawab. Dengan mengetahui cara untuk mengendalikan maklumat dengan berkesan, maka hak klien dapat dilindungi dan Syarikat dapat memastikan bahawa tugas dan kewajipannya dipenuhi.

#### 4.3 Pakaian Semasa Menjalankan Urusan Perniagaan

Wargakerja mestilah memastikan bahawa apabila mereka berhubung secara langsung dengan klien,

mereka tidak boleh berpakaian dengan cara yang boleh menyinggung perasaan klien atau menjejaskan tahap kesihatan dan keselamatan. Sekiranya syarikat menyediakan uniform atau pakaian khas, wargakerja berkenaan mestilah mematuhi keperluan ini. Wargakerja dikehendaki mematuhi Kod Pakaian seperti yang dikuatkuasakan.

## 5. TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA RAKAN NIAGA AMANAHRAYA

*Membina situasi menang-menang bersama dengan rakan niaga memberi kita kelebihan bersaing yang penting.*

### 5.1 Perhubungan Perniagaan dan Peribadi dengan Rakan Niaga

Sebagai wakil AmanahRaya ke dunia luar, Anggota Lembaga Pengarah dan wargakerja perlu bertindak secara bertanggungjawab dan dengan cara yang memberikan imej positif kepada Syarikat dan setiap wargakerja sebagai individu. Semua wargakerja berkewajipan menunaikan tugas mereka dengan berpandukan prinsip yang dinyatakan dalam wawasan dan nilai AmanahRaya dan dengan mematuhi Kod Etika ini dan dasar korporat kita.

Apabila khidmat seseorang individu atau sesebuah firma perlu diambil untuk menjadi pakar runding atau wakil bagi AmanahRaya, wargakerja mestilah mengelakkan hasrat untuk melakukan dan memaparkan tingkah laku yang tidak beretika atau dicurigai semasa berhubung, bertindak dan berkomunikasi dengan mereka. Antara contohnya ialah pemilihan lokasi mesyuarat perniagaan selain pejabat AmanahRaya yang boleh menimbulkan

tanggapan adanya perbuatan tidak wajar.

AmanahRaya akan mengikat perjanjian perwakilan atau pembekal hanya dengan individu atau organisasi yang dipercayai mempunyai rekod dan komitmen terhadap integriti. Wakil AmanahRaya yang memperoleh perjanjian dengan pembekal mestilah memastikan pembekal, ejen, kontraktor bebas yang dilantik oleh pakar runding dan wakil tahu tentang Kod Etika ini dan kewajipan mereka di bawahnya.

Wargakerja yang mungkin mempunyai perhubungan peribadi dengan vendor, pembekal, pakar runding atau rakan niaga yang mengikat kontrak dengan AmanahRaya mestilah mematuhi prinsip dasar ini dengan mengasingkan dan memisahkan perhubungan peribadi mereka daripada kepentingan masing-masing dalam AmanahRaya.

AmanahRaya akan memaklumkan semua vendor, pembekal, pakar runding dan rakan niaga tentang tanggungjawab mereka untuk bertindak bagi pihak syarikat mereka sejajar dengan Kod Etika ini dan dasar lain AmanahRaya yang berkaitan.

## 5.2 Amalan Pembelian

AmanahRaya hanya akan membuat pembelian berasaskan jumlah kos, perkhidmatan, kualiti dan kecekapan. Semua komitmen pembelian dalam sebarang bentuk, sama ada lisan, pesanan bertulis, surat hasrat atau kontrak mestilah diproses menurut prosedur ISO yang berkenaan.

Pesanan pembelian yang dikeluarkan selepas pembekal membekalkan barang dan/atau perkhidmatan kepada Syarikat sebelum memperoleh kelulusan sewajarnya dianggap sebagai pelanggaran dasar ini.

Unit perniagaan atau individu yang merancang untuk membeli barang atau perkhidmatan mestilah melibatkan pemerolehan strategik pada peringkat awal proses pemerolehan sumber bagi memudahkan proses pemilihan dan kelayakan pembekal dan bagi menjalankan rundingan untuk pembelian khusus.

Semua wargakerja dikehendaki mematuhi dasar berkaitan dengan perbelanjaan untuk Barang dan/atau Perkhidmatan serta prosedur dan garis panduan ISO yang berkaitan termasuk perkara berikut:

- QP-ARB-MSD 01 (Pembelian)
- QP-ARB-MSD 02 (Perlantikan Penilaian Pembekal)

Semua dokumen pembelian mestilah didokumenkan dan dengan jelas mengenal pasti perkhidmatan atau produk yang hendak disediakan sebagai asas untuk memperoleh bayaran dan kadar atau yuran yang boleh dikenakan. Jumlah bayaran mestilah sepadan dengan perkhidmatan atau produk yang disediakan.

## 5.3 Sogokan

Mana-mana pembekal tidak boleh menawarkan dan/atau memberikan sebarang sogokan kepada Lembaga Pengarah atau wargakerja AmanahRaya sebagai dorongan atau ganjaran untuk Lembaga Pengarah atau wargakerja berkenaan menggunakan jawatan atau kedudukannya apabila dia membuat sebarang keputusan atau mengambil sebarang tindakan berhubung dengan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pembekal, ahli keluarga atau sekutunya sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sekiranya wargakerja atau Lembaga Pengarah secara tidak bermoral meminta atau memperoleh atau cuba memperoleh sogokan sedemikian untuk dirinya sendiri atau orang lain, pembekal hendaklah dengan secepat mungkin melaporkan permintaan atau pemerolehan atau percubaan untuk memperoleh sogokan sedemikian bersama-sama keterangan lengkap dan

benar dan jika diketahui, nama orang yang meminta, memperoleh atau cuba memperoleh sogokan kepada Pejabat Ketua Pegawai Integriti.

Begitu juga, sekiranya seseorang wargakerja atau Anggota Lembaga Pengarah diberi, dijanjikan atau ditawarkan sebarang bentuk sogokan dalam perbuatan yang menyalahi mana-mana peruntukan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575), dia hendaklah melaporkan hadiah, janji atau tawaran sedemikian bersama-sama nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan sogokan sedemikian kepadanya kepada Pejabat Ketua Pegawai Integriti.

#### 5.4 Komitmen Pembekal dan Rakan Niaga terhadap Etika Perniagaan

AmanahRaya menghendaki semua pembekal dan rakan niaganya berkongsi dasar dan prinsip etika perniagaan bersama seperti yang ditetapkan dalam Kod Etika ini. Tidak ada toleransi kepada mana-mana pembekal atau rakan niaga yang didapati menjalankan amalan tidak beretika atau melanggar undang-undang dan mereka boleh disenaraihitamkan, dan kontrak atau urusan perniagaan mereka boleh ditamatkan oleh AmanahRaya.

Wargakerja yang mungkin mempunyai perhubungan peribadi dengan vendor, pembekal, pakar runding atau rakan niaga yang mengikat kontrak dengan AmanahRaya mestilah mematuhi prinsip dasar ini dengan mengasingkan dan memisahkan perhubungan peribadi mereka daripada kepentingan masing-masing dalam AmanahRaya.

AmanahRaya akan memaklumkan semua vendor, pembekal, pakar runding dan rakan niaga tentang tanggungjawab mereka untuk bertindak bagi pihak AmanahRaya selaras dengan Kod Etika ini dan dasar AmanahRaya lain yang berkaitan.

## 6. TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA PEMEGANG SAHAM

*Kita menghargai dan berterima kasih atas komitmen dan dedikasi yang diamanahkan kepada kita oleh pemegang saham.*

### 6.1 Melindungi Aset AmanahRaya

Semua wargakerja hendaklah berusaha untuk melindungi aset dan harta AmanahRaya dan anak syarikatnya serta memastikan aset dan harta itu digunakan dengan efisien. Kecurian, kecuaiian dan pembaziran mendatangkan kesan langsung terhadap keuntungan. Sebarang insiden penipuan atau kecurian yang disyaki menjejaskan AmanahRaya hendaklah dilaporkan dengan segera.

Kewajipan wargakerja untuk melindungi aset dan harta AmanahRaya dan anak syarikatnya meliputi maklumat proprietari, termasuk harta intelektual seperti rahsia perdagangan, paten, cap dagang dan hak cipta, serta rancangan perniagaan, pemasaran dan strategik, reka bentuk, pangkalan data, rekod, maklumat gaji dan sebarang data dan laporan kewangan yang tidak diterbitkan. Semua wargakerja tidak boleh menggunakan atau mengedarkan maklumat ini tanpa kebenaran sewajarnya.

Semua wargakerja tidak harus menggunakan aset AmanahRaya untuk urusan bukan berkaitan dengan syarikat. Wargakerja tidak boleh menggunakan aset atau harta AmanahRaya untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau tujuan tidak bermoral.

### 6.2 Penggunaan Alat Elektronik

Syarikat memiliki hak cipta terhadap semua hasil kerja yang dihasilkan oleh wargakerjanya sepanjang perkhidmatan mereka jika tiada sebarang perjanjian yang menyatakan sebaliknya. Selaku pemilik hak cipta terhadap hasil kerja sedemikian, Syarikat mempunyai seluruh hak eksklusif yang dikaitkan dengan pemilikan, termasuk hak eksklusif untuk memberikan atau tidak memberikan keizinan bagi melakukan tindakan tertentu berhubung dengan hasil kerja tersebut.

Setiap wargakerja bertanggungjawab melindungi aset dan sistem AmanahRaya yang diperuntukkan atau disediakan untuk mereka. Penyalahgunaan, penggelapan atau pencurian aset syarikat seperti perisian, komputer, persisian, sistem internet, intranet dan e-mel atau sebarang aset lain milik AmanahRaya adalah dilarang sama sekali.

### 6.3 Pendedahan Maklumat dengan Lengkap, Tepat dan Kena Pada Waktunya

Sebagai sebuah Syarikat Milik Kerajaan, AmanahRaya dikehendaki membuat pelbagai pendedahan kepada orang awam, termasuk memfailkan laporan berkala kepada Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti dan Bahagian Hal-Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri.

AmanahRaya komited untuk mematuhi sepenuhnya kewajipan penting tersebut dan kami berusaha untuk mendedahkan maklumat dengan lengkap, saksama, tepat, kena pada waktunya dan boleh difahami dalam laporan, siaran akhbar dan komunikasi awam kami yang lain.

Bagi membantu usaha ini, AmanahRaya mengadakan kawalan dan prosedur pendedahan, termasuk kawalan kewangan dalaman, yang mungkin menghendaknya memberikan maklumat atau pun menyertai proses pendedahan dan perakaunan kewangan.

Jika wargakerja menyertai proses ini, mereka bertanggungjawab untuk memberikan maklumat dan membuat pendedahan tepat pada waktunya dan memastikan maklumat yang diberikan dan

pendedahan yang dibuat oleh mereka adalah lengkap, tepat dan boleh difahami. Semua wargakerja tidak boleh membuat kenyataan palsu atau mengelirukan atau menyembunyikan apa-apa maklumat penting atau membantu orang lain berbuat demikian.

### 6.4 Perbelanjaan Perniagaan & Akauntabiliti Kewangan

Wargakerja mestilah memastikan laporan kewangan, perakaunan dan laporan serta rekod lain di AmanahRaya memberikan gambaran yang tepat, adil dan terperinci tentang urus niaga dan keadaan kewangan Syarikat, selaras dengan prinsip, amalan dan prosedur perakaunan yang diterima umum dan menurut keperluan undang-undang. Tidak ada sesiapa yang boleh meluluskan bayaran dengan mengetahui sebahagian daripada bayaran itu akan digunakan untuk tujuan lain selain apa yang dinyatakan dalam dokumen yang menyokong bayaran tersebut.

Wargakerja tidak boleh mewujudkan atau turut serta dalam mewujudkan rekod yang mengelirukan atau palsu. Dana atau aset yang tidak direkodkan atau 'di luar buku' tidak boleh disimpan melainkan Pengarah Urusan telah menetapkan bahawa dana atau aset berkenaan diperlukan atau dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan.

Setiap wargakerja mestilah mengamalkan integriti, kebijaksanaan dan pertimbangan yang baik apabila mereka menanggung dan meluluskan perbelanjaan perniagaan. Perbelanjaan mestilah berpatutan dan perlu dikeluarkan atas sebab perniagaan.

Perbelanjaan yang ditanggung semasa menjalankan urusan AmanahRaya akan dibayar balik selaras dengan Dasar Kewangan & Perakaunan, setelah dikemukakan tuntutan yang mesti didokumenkan dengan tepat dan lengkap.

### 6.5 Merekodkan dan Menyimpan Komunikasi Perniagaan

Semua rekod dan komunikasi perniagaan hendaklah jelas, benar dan tepat. Rekod dan komunikasi perniagaan sering kali didedahkan kepada umum menerusi litigasi, siasatan kerajaan dan liputan media. Kita akan mengelakkan kenyataan berlebih-lebih, bahasa berbunga-bunga, tekaan, kesimpulan undang-undang dan kenyataan atau gambaran menghina orang dan syarikat. Peraturan ini meliputi segala jenis komunikasi termasuk e-mel dan nota atau memo tidak rasmi. Rekod mestilah disimpan dan dimusnahkan mengikut dasar penyimpanan rekod AmanahRaya.

## 7. TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA PESAING

*Kita bersaing dengan agresif dan penuh integriti.*

### 7.1 Maklumat Bersaingan

AmanahRaya berusaha untuk mengekalkan daya saingnya dengan beroperasi secara adil dan jujur. Syarikat mencari kelebihan persaingan menerusi keunggulan prestasi dan sama sekali bukan menerusi amalan perniagaan yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang.

AmanahRaya tidak membenarkan atau membiarkan sebarang konspirasi untuk mengambil atau menggunakan maklumat propietari kepunyaan orang lain secara tidak wajar, memiliki maklumat rahsia perdagangan yang diperoleh tanpa kebenaran pemilik, atau memujuk wargakerja atau bekas wargakerja syarikat lain membuat pendedahan sedemikian.

Semua wargakerja hendaklah berusaha untuk berurusan secara adil dengan klien, pembekal, pesaing dan wargakerja kita, dan tidak boleh cuba mempergunakan sesiapa secara tidak adil menerusi manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat sulit atau terlindung, gambaran salah atau



sebarang amalan tidak adil yang disengajakan.

Jika maklumat yang mungkin menjadi rahsia perdagangan atau maklumat sulit sesebuah perniagaan lain diperolehi dengan tidak sengaja, atau sekiranya wargakerja mempunyai kemusykilan tentang sama ada aktiviti pengumpulan maklumat mematuhi undang-undang atau tidak, mereka hendaklah merujuk Jabatan UndangUndang.

## 8. TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA MASYARAKAT

*Menerusi masyarakat kita mendapat manfaat, dan kepada mereka kita memberikan manfaat.*

### 8.1 Khidmat Masyarakat

AmanahRaya berkhidmat kepada masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan pada harga yang kompetitif dan dengan memberikan sokongan aktif kepada masyarakat tempat kita beroperasi. Wargakerja AmanahRaya di seluruh Malaysia digalakkan menyokong program kemasyarakatan yang bermanfaat selagi sokongan itu tidak menjejaskan tugasnya di pejabat.

### 8.2 Aktiviti Kemasyarakatan Peribadi

Wargakerja AmanahRaya diberi kebebasan untuk menyokong pertubuhan kemasyarakatan, kebajikan dan organisasi berkaitan selagi mereka menjelaskan bahawa pandangan dan tindakan mereka bukanlah pandangan dan tindakan AmanahRaya. Kegiatan luar wargakerja tidak boleh mengganggu pelaksanaan tugas mereka di tempat kerja.

Seseorang wargakerja tidak boleh memberikan

tekanan kepada wargakerja lain untuk menyuarakan pandangan yang bertentangan dengan kepercayaan peribadinya atau untuk memberikan sumbangan atau sokongan kepada sesuatu aktiviti politik, keagamaan atau kebajikan.

### 8.3 Berkomunikasi dengan Pihak Luar

Semua wargakerja mestilah memastikan bahawa mereka memberikan maklumat yang wajar, tepat, kena pada waktunya dan mudah difahami apabila mereka mewakili AmanahRaya kepada orang awam. Bagi memastikan pengendalian yang profesional dan konsisten, permintaan daripada pihak media hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Komunikasi Korporat dan Perhubungan Pelanggan.

Sebaliknya permintaan untuk data kewangan daripada penganalisis kewangan, pemegang saham dan pihak lain selain klien kita hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Kewangan & Akaun.

## 9. TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA KERAJAAN

*Kita menjalankan perniagaan yang mematuhi sepenuhnya undang-undang kerajaan.*

### 9.1 Menjalankan Perniagaan dengan Mematuhi Undang-Undang

Mematuhi undang-undang, baik yang tersurat mahupun yang tersirat, merupakan asas ukuran etika AmanahRaya. Semua wargakerja hendaklah menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan di Malaysia. Walaupun kita tidak dikehendaki mengetahui undang-undang secara terperinci, namun kita mestilah mempunyai pengetahuan secukupnya untuk menentukan bila kita perlu meminta nasihat daripada penyelia atau pengurus kita atau pihak lain.

Pejabat Ketua Pegawai Integriti boleh dihubungi oleh semua wargakerja yang mempunyai pertanyaan tentang undang-undang dan peraturan yang melibatkan mereka.

Satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah sekiranya sesuatu undang-undang bercanggah dengan dasar tertentu dalam Kod Etika ini, maka undang-undang berkenaan diberi keutamaan.

## 9.2 Kegiatan Politik

Seseorang wargakerja yang berhasrat untuk memegang sebarang jawatan penting yang berpengaruh atau untuk menjadi pemegang jawatan dalam mana-mana parti politik mestilah menyatakan hasrat itu dan mendapatkan kelulusan bertulis daripada Pihak Pengurusan sebelum memegang jawatan sedemikian.

## 10. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

*Kita bertindak demi kepentingan AmanahRaya.*

### 10.1 Panduan Umum

Keputusan dan tindakan perniagaan mestilah berasaskan kepentingan AmanahRaya dan tidak boleh didorong oleh pertimbangan atau perhubungan peribadi. Perhubungan dengan bakal pembekal, kontraktor, pelanggan, pesaing atau pengawal selia, atau yang sedia ada, tidak boleh mempengaruhi pertimbangan kita yang bebas dan betul bagi pihak AmanahRaya.

Panduan umum untuk membantu meningkatkan kefahaman wargakerja tentang keadaan biasa yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan disenaraikan di bawah ini. Walau bagaimanapun wargakerja dikehendaki mendedahkan sebarang keadaan yang boleh atau dipercayai menimbulkan percanggahan kepentingan, selaras dengan dasar. Apabila timbul keraguan, membuat pendedahan adalah langkah terbaik.

### 10.2 Pekerjaan Luar

Wargakerja tidak boleh bekerja untuk mendapatkan

bayaran atau menerima bayaran bagi perkhidmatan mereka daripada mana-mana pesaing, pelanggan, pengedar atau pembekal AmanahRaya tanpa kelulusan, selaras dengan dasar.

Sebarang aktiviti luar mestilah dipisahkan sama sekali daripada pekerjaan di AmanahRaya dan tidak seharusnya menjejaskan prestasi kerja di AmanahRaya. Kemahiran yang dipelajari dan digunakan di AmanahRaya tidak boleh digunakan dengan cara yang boleh merosakkan perniagaan AmanahRaya.

24

Wargakerjayang ingin bekerja di luar selepas waktu kerja biasa di AmanahRaya hendaklah mendedahkannya dan mendapatkan kebenaran daripada Pihak Pengurusan.

### 10.3 Keanggotaan Lembaga Pengarah

Wargakerja yang berkhidmat dalam Lembaga Pengarah atau badan yang sama untuk syarikat luar atau agensi kerajaan memerlukan kelulusan terlebih dahulu, selaras dengan dasar Syarikat. Membantu masyarakat dengan berkhidmat dalam lembaga pengarah pertubuhan bukan bermotif keuntungan atau pertubuhan masyarakat adalah digalakkan dan memerlukan kelulusan Pihak Pengurusan.

### 10.4 Anggota Keluarga dan Kepentingan Perhubungan Peribadi yang Rapat

Semua wargakerja tidak boleh menggunakan pengaruh peribadi untuk mendorong AmanahRaya menjalankan urusan dengan sesebuah syarikat, terutamanya bagi kakitangan yang terlibat dalam pembelian, pembekalan dan pengendalian tender yang melibatkan kepentingan ahli keluarga atau rakan-rakan kita.

Wargakerja hendaklah memaklumkan Pejabat Ketua Pegawai Integriti tentang sebarang perhubungan rapat yang boleh menimbulkan tanggapan bahawa mereka mungkin memilih syarikat lain sehingga menjejaskan kepentingan AmanahRaya.

### 10.5 Pelaburan

Wargakerja tidak boleh membiarkan pelaburan mereka mempengaruhi atau tampaknya mempengaruhi pertimbangan bebas mereka bagi pihak AmanahRaya. Perkara ini boleh berlaku dengan banyak cara tetapi kemungkinan besar akan menimbulkan tanggapan wujudnya percanggahan kepentingan jika seseorang wargakerja mempunyai pelaburan dalam syarikat pesaing, pembekal, klien atau pengedar, dan keputusannya boleh memberikan kesan perniagaan

kepada pihak luar ini. Jika ada keraguan tentang tanggapan yang boleh timbul hasil daripada sesuatu pelaburan, perkara ini hendaklah didedahkan kepada Pihak Pengurusan.

Wargakerja juga dilarang membeli sebarang harta atau bahan secara langsung atau tidak langsung, atau memperoleh hak terhadapnya, sedangkan mereka mengetahui bahawa AmanahRaya mungkin berminat untuk merebut peluang sedemikian dan maklumat tentangnya tidak diketahui umum.

### 10.6 Hadiah

Hadiah tidak semestinya objek fizikal. Hadiah boleh juga berupa perkhidmatan, pertolongan, pinjaman atau benda berharga lain yang diberikan atau diterima daripada mereka yang tidak terlibat dalam kerja untuk AmanahRaya, dan atas tanggungan klien kita. Menjadi tanggungjawab kita untuk menolak sebarang hadiah atau manfaat yang boleh mempengaruhi pertimbangan kita atau menyebabkan integriti kita atau integriti AmanahRaya dipersoalkan.

### 10.7 Hadiah kepada Wargakerja AmanahRaya

Menjadi kewajipan setiap wargakerja untuk mengelak daripada menerima, sama ada secara peribadi atau menerusi anggota keluarga atau kenalan lain, hadiah, manfaat, atau layanan luar biasa yang diberikan untuk tujuan, atau yang boleh menimbulkan kesan atau tanggapan, mempengaruhi pertimbangan wargakerja dalam melaksanakan tugas mereka di AmanahRaya.

Penginapan hotel atau perjalanan udara percuma termasuk dalam kategori ini. Tawaran sedemikian yang dibuat sempena mesyuarat atau acara khas pada umumnya hendaklah dielakkan dan hendaklah dinilai berdasarkan manfaat dan kepentingannya kepada AmanahRaya. Jika selepas penilaian sedemikian didapati bahawa kehadiran diwajibkan, maka Syarikat hendaklah membayar perbelanjaan kehadiran dengan menggunakan prosedur perbelanjaan biasa.

Walau bagaimanapun wargakerja boleh menerima barang bernilai nominal (sedikit) seperti barang promosi kecil mengandungi nama syarikat lain atau token korporat lain yang bernilai nominal atau manfaat nominal lain seperti honorarium penceramah dengan syarat wargakerja tidak berada dalam kedudukan untuk memberikan manfaat atau pertolongan

langsung kepada individu atau organisasi berkenaan (atau dilihat berada dalam kedudukan sedemikian) atau boleh mempengaruhi keputusan yang diinginkan oleh pemberi (atau dilihat mempunyai keupayaan itu) dan wargakerja tidak berada dalam kedudukan boleh dipengaruhi dalam membuat keputusan perniagaan disebabkan tindakan menerima hadiah berkenaan.

Dalam situasi yang jarang-jarang berlaku, menolak atau memulangkan sesuatu hadiah mungkin mendatangkan mudarat atau tidak praktikal. Jika perkara ini berlaku, wargakerja mestilah meminta nasihat ketua terdekat sama ada hadiah itu boleh disimpan atau tidak.

### 10.8 Hadiah yang diberikan oleh AmanahRaya

Sesetengah situasi perniagaan memerlukan pemberian hadiah. Hadiah yang diberikan oleh AmanahRaya mestilah sah di sisi undang-undang, berpatutan dan diluluskan oleh Pihak Pengurusan atau Lembaga Pengarah.

Apabila perlu untuk memudahkan urusan perniagaan dan/atau hubungan perniagaan, hadiah boleh diberikan bagi pihak AmanahRaya apabila menaja persidangan formal untuk wakil kerajaan atau sektor swasta, dan apabila mengendalikan majlis berprestij yang dihadiri

oleh ketua negara atau kerajaan, tokoh kenamaan atau sektor swasta. Wargakerja kita tidak boleh sama sekali membayar rasuah.

### 10.9 Keraian untuk wargakerja AmanahRaya

Kita boleh menerima jemputan keraian yang munasabah dan sederhana dalam konteks urusan perniagaan selepas ketua kita dimaklumkan dan jika kehadiran kita membantu memenuhi kepentingan syarikat. Contohnya mengiringi seorang rakan niaga untuk menghadiri acara kebudayaan atau sukan tempatan atau jamuan makan bagi membincangkan hal perniagaan boleh diterima dalam kebanyakan kes.

Keraian yang mewah atau kerap mungkin kelihatan mempengaruhi pertimbangan bebas kita bagi pihak AmanahRaya. Jika sesuatu jemputan dirasakan tidak wajar, kita mestilah menolak jemputan atau membayar nilai sebenar keraian itu sendiri. Menerima jemputan keraian yang mungkin kelihatan tidak wajar hendaklah dibincangkan dengan Pihak Pengurusan terlebih dahulu jika boleh.

## 11. DASAR PENDEDAHAN SALAH LAKU

Semua wargakerja digesa melaporkan dengan segera sebarang tingkah laku yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, termasuk salah laku kewangan dan pelanggaran lain terhadap Kod Etika ini. Segala isu atau aduan yang dibangkitkan oleh wargakerja dan identiti mereka akan dirahsiakan sungguhpun mereka mungkin diwajibkan oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat ini dalam keadaan tertentu. AmanahRaya tidak akan membenarkan sebarang tindakan balas terhadap wargakerja jika mereka melaporkan salah laku orang lain dengan jujur.

Berikut adalah beberapa garis panduan yang boleh dipatuhi oleh wargakerja dalam melaporkan pelanggaran Kod Etika ini atau salah laku lain, atau jika mereka tidak pasti tentang cara untuk menangani sesuatu keadaan:

- Sebagai langkah pertama, wargakerja digalakkan berbincang secara terbuka dan bebas dengan ketua atau pengurus jabatan mereka;

- Jika atas sebab tertentu seseorang wargakerja berasa tidak selesa untuk menemui penyelia atau pengurus jabatannya atau dia tidak berpuas hati kerana aduannya tidak ditangani secara adil atau betul, maka wargakerja berkenaan boleh menghubungi pihak berikut:

1. Jawatan : Ketua Pegawai Integriti

2. Jawatan : Pengurus Integriti

3. Nama : Pusat Etika

Telefon : 03-2055 7388

E-mel : [ethics\\_center@arb.com.my](mailto:ethics_center@arb.com.my)

AmanahRaya ingin mewujudkan suasana beretika dalam seluruh Syarikat untuk dimanfaatkan oleh kita semua. Syarikat berjanji bahawa jika sebarang isu dibangkitkan hasil daripada Dasar ini, segala usaha yang munasabah akan dilakukan untuk merahsiakan identiti orang yang membangkitkan isu berkenaan.

## 12. PERAKUAN PEMATUHAN KOD ETIKA PERNIAGAAN AMANAHRAYA

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami kod Etika Perniagaan AmanahRaya (“Kod Etika”) dan saya faham bahawa Kod Etika ini meliputi semua Lembaga Pengarah, wargakerja dan wakil lain Syarikat, termasuk ejen, pakar runding, kontraktor bebas dan pembekal AmanahRaya serta anak syarikatnya.

Saya bersetuju bahawa sebarang keputusan dan tindakan perniagaan yang saya ambil hendaklah berdasarkan kepentingan AmanahRaya serta anak syarikatnya dan tidak boleh didorong oleh kepentingan, pertimbangan atau perhubungan peribadi. Perhubungan saya dengan bakal pembekal, kontraktor, klien, pesaing atau pengawal selia atau yang sedia ada tidak akan mempengaruhi pertimbangan kami yang bebas dan betul bagi pihak syarikat.

28 Saya juga mengesahkan bahawa saya, suami/isteri saya, anak tanggungan saya, atau mana-mana anggota keluarga saya yang terdekat tidak memiliki saham, menjalankan perniagaan, mempunyai kepentingan atau liabiliti kewangan secara langsung atau tidak langsung atau berkhidmat sebagai pegawai, pengarah, ahli jawatankuasa atau wargakerja dalam mana-mana entiti perniagaan yang boleh mengganggu atau mempengaruhi apa-apa keputusan perniagaan dan bidang tanggungjawab saya.

Saya seterusnya mengesahkan bahawa saya tidak tahu tentang apa-apa perkara lain, termasuk hubungan keluarga atau peribadi, seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 122A (A) Akta Syarikat 1965 (Akta 125), yang boleh atau mungkin menimbulkan percanggahan kepentingan yang melibatkan pekerjaan saya sekarang.

Saya juga mengesahkan bahawa saya tidak melakukan apa-apa pekerjaan atau aktiviti luar yang bercanggah dengan tugas rasmi saya.

Saya juga tahu tentang larangan berhubung dengan penerimaan hadiah daripada mana-mana entiti perniagaan yang berurusan dengan saya, dan saya mengesahkan bahawa saya tidak pernah melanggar larangan itu.



Saya dengan ini bersetuju bahawa saya akan mematuhi sepenuhnya semua peruntukan Kod Etika ini dan memahami tanggungjawab saya untuk melaporkan segera apa-apa percanggahan kepentingan yang diketahui atau mungkin timbul atau pelanggaran yang disyaki dilakukan terhadap Kod Etika ini kepada penyelia terdekat saya, pihak pengurusan kanan atau personel Syarikat yang berkenaan.

Saya juga mengesahkan bahawa saya memahami bahawa jika saya gagal mematuhi Kod Etika ini, saya boleh dikenakan tindakan disiplin sehingga dan termasuk perkhidmatan saya ditamatkan.

SAYA MENGESAHKAN BAHAWA KENYATAAN YANG TERSEBUT DI ATAS ADALAH BENAR DAN BETUL SEPANJANG YANG SAYA KETAHUI DAN PERCAYA.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

No. K/P : \_\_\_\_\_

No. Wargakerja : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_





AMANAH RAYA BERHAD

# KOD ETIKA PERNIAGAAN --- AMANAH RAYA

TIADA RUNDINGAN BAGI..  
**INTEGRITI**





AMANAH RAYA BERHAD

# AMANAH RAYA

---

## CODE OF BUSINESS ETHICS

**INTEGRITY  
IS NON-NEGOTIABLE**